

JASA MU DIKENANG



12 November 2024 - Koperasi NSTP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman atas sumbangan, kepimpinan dan dedikasi yang tidak ternilai sepanjang perkhidmatan beliau.

Datuk Ahmad Zaini, 59, yang memulakan kerjayanya sebagai wartawan bersama BERNAMA pada 1984, menyertai BH pada 1991 dan pernah memegang pelbagai jawatan dalam NSTP termasuk Ketua Biro Kedah, Penolong Pengarang Berita, Pengarang Berita, Ketua Pengarang Berita, Pengarang Bersekutu Berita dan Digital, Pengarang Eksekutif Berita, Editor Eksekutif Hal Ehwal Komersial dan Semasa dan terakhir sebagai Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP). Beliau juga merupakan Yang DiPertua Koperasi NSTP semenjak 27hb Januari 2023 sehingga kini.

Nasihat dan pandangan beliau telah banyak membantu dalam memajukan serta meningkatkan perniagaan koperasi, memberikan manfaat yang besar kepada seluruh anggota. Jasanya akan sentiasa dikenang dan dihargai. Selamat bersara Datuk dan semoga terus berjaya dalam setiap langkah kehidupan yang akan datang.

#KOOPNSTP
#MAJUKOPERASIANGGOTABAHAGIA